

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pelan tindakan pihak Kementerian untuk memerlukan setiap Kerajaan negeri beriltizam untuk menaikkan tarif air memandangkan kos rawatan air melambung tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Industri perkhidmatan bekalan air pada masa ini berdepan masalah kadar tarif sedia ada yang rendah sehingga tidak menggambarkan kos penyediaan perkhidmatan yang sebenar. Analisis yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mendapati purata kadar tarif air sedia ada adalah terlalu rendah iaitu RM1.39 bagi setiap 1,000 liter berbanding kos keseluruhan iaitu RM2.35 bagi setiap 1,000 liter penggunaan.
2. Kadar tarif yang terlalu rendah telah menyebabkan kutipan bil air tidak dapat menampung kos keseluruhan penyediaan perkhidmatan bekalan air. Kesannya terdapat operator air berada dalam kedudukan kewangan yang tidak mampan dan tidak mampu melaksanakan perbelanjaan operasi dan pelaburan modal untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air yang lebih baik kepada pengguna. Situasi ini jika dibiarkan berlarutan akan menyebabkan jaminan perkhidmatan yang berkualiti, efisien dan efektif tidak dapat diberikan kepada rakyat mahupun industri.

3. Oleh yang demikian, pelarasan kadar tarif air semasa pada kadar yang bersesuaian adalah pelan jangka masa panjang yang perlu dilaksanakan untuk memulihkan situasi ini. Namun begitu, mengambil kira kedudukan ekonomi semasa pasca penularan wabak COVID 19, Kerajaan berpandangan adalah wajar pelarasan tarif air ditangguhkan terlebih dahulu bagi mengurangkan impak kos sara hidup kepada pengguna sama ada domestik mahupun bukan domestik.

4. Kementerian pada masa hadapan berhasrat memperkenalkan Mekanisme Penetapan Tarif (*Tariff Setting Mechanism*) atau ringkasnya TSM untuk mewujudkan mekanisme penetapan tarif air yang sistematik, telus dan adil bagi manfaat kita semua. Pelaksanaan TSM adalah merupakan usaha penting bagi memastikan industri perkhidmatan bekalan air berada di landasan yang tepat untuk mencapai kemapanan jangka masa panjang. Kemapanan industri ini akan memberi manfaat langsung kepada pengguna dalam bentuk jaminan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti pada setiap masa. Melalui pelaksanaan TSM operator air akan membina asas kewangan yang kukuh bagi melaksanakan projek-projek menambah baik infrastruktur sistem bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air baharu, menaik taraf loji rawatan sedia ada, menggantikan paip uzur dan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan. Kejayaan pelaksanaan TSM memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuklah Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, operator-operator air dan pengguna secara keseluruhan.